

## 5. Ego Identiti vs Keraguan Peranan

Ia merupakan yang paling penting dalam perkembangan psikososial seseorang. Remaja menghadapi dengan berbagai permintaan sosial dan perubahan peranan yang penting dalam menemui cabaran zaman dewasa. Dimensi psikososial peringkat ini mempunyai identiti ego pada hujung positif dan keraguan peranan pada hujung negatif. Tugas yang dihadapi oleh remaja disatukan semua pengetahuan yang mereka perolehi tentang diri mereka dan integrate berbagai imej diri kepada identiti tersendiri yang menunjukkan kesedaran terhadap kedua-dua zaman dahulu dan zaman akan datang.

Erikson menegaskan psikososial identiti ego yang asas dengan fokus tidak pada konflik antara struktur psikik tetapi lebih pada konflik dengan ego tersendiri. Penekanan pada ego dan cara ia dipengaruhi oleh masyarakat khususnya kumpulan rakan sebaya.

Erikson menyarankan 3 elemen yang terlibat dalam pembentukan identiti:

- i. remaja mesti melihat dirinya mempunyai dalaman yang sama dan kesinambungan sepanjang masa. Individu mesti membentuk imej diri yang melakur zaman dahulu dan berkaitan dengan masa depan.
- ii. Orang yang signifikan juga perlu melihat kesamaan dan kesinambungan pada individu tersebut. Ini bermakna remaja memerlukan keyakinan bahawa uniti dalaman mereka memperkembangkan awal akan dikenalipasti pada persepsi orang lain. Maka remaja mungkin kurang pasti tentang konsep sendiri dan imej sosialnya. Kemudian berasa syaki, keraguan dan sebagainya.
- iii. Orang muda mesti mempunyai keyakinan diri dengan correspondence antara internal dan eksternal garis kesinambungan. Persepsi diri mereka mesti mengesahkan oleh maklum balas berkenaan dari pengalaman interpersonal.

Bersosial dan beremosi, kematangan remaja merangkumi cara baru memuji dan menilai dunia dan perhubungan dengannya. Mereka boleh membayangkan keluarga unggul, agama, falsafah dan masyarakat di mana mereka boleh berbanding dan bertentangan dengan manusia yang tidak sempurna dan institusi pengalaman mereka yang terhad. Kegagalan remaja memperkembangkan identiti diri dinamakan oleh Erikson sebagai krisis identiti. Krisis ini biasa dicirikan oleh ketidakupayaan untuk memilih kerjaya atau memperolehi pendidikan lanjutan.

Nilai yang berhubungkait dengan penyelesaian berjaya krisis remaja adalah "fidelity". Fidelity rujuk kepada remaja sebagai kebolehan untuk memelihara kesetiaan. Fidelity mewakili keupayaan seseorang untuk menerima, melihat dan berkekalan oleh mores sosial, etnik, ideologi masyarakat.